

## PERKAITAN ANTARA MOTIVASI DAN PENCAPAIAN BAHASA JEPUN DALAM KALANGAN PELAJAR SAINS KEJURUTERAAN

(THE RELATIONSHIP BETWEEN MOTIVATION AND JAPANESE LANGUAGE ACHIEVEMENT AMONG ENGINEERING SCIENCE STUDENTS)

ABDULLAH, R. A.<sup>1</sup> – KADIR, Z. A.<sup>1\*</sup> – OTHMAN, N. A.<sup>1</sup> – YUSOF, M. N.<sup>2</sup> – AMAN, Z. M.<sup>3</sup> – AHMAD, S.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> *Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor Bahru, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Teknikal Malaysia, Melaka, Malaysia.*

<sup>3</sup> *Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis, Perlis, Malaysia.*

<sup>4</sup> *Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang, Pahang, Malaysia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: zulida[at]uthm.edu.my*

(Received 10<sup>th</sup> September 2025; revised 25<sup>th</sup> November 2025; accepted 02<sup>nd</sup> December 2025)

**Abstrak.** Laporan akademik menunjukkan bahawa wujudnya ketidakseimbangan dan jurang skor yang tinggi terhadap pencapaian bahasa Jepun dalam kalangan pelajar kejuruteraan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Masalah ini disebabkan oleh kurangnya perhatian terhadap faktor psikologi, tujuan, latarbelakang dan keperluan mempelajari bahasa Jepun dalam kalangan pelajar sains kejuruteraan dan teknikal di MTUN. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan motivasi dengan pencapaian pelajar berdasarkan pendekatan The L2 Motivational Self System (L2MSS). Kajian kuantitatif dengan kaedah tinjauan ini melibatkan 392 responden pelajar bahasa Jepun daripada empat buah universiti iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Hasil tinjauan mendapati bahawa pelajar dipengaruhi oleh faktor guru, rakan sebaya, kuliah dan bahan pengajaran. Malah pelajar mempunyai imaginasi tinggi terhadap penutur asli. Dapatan kajian menunjukkan bahawa L2 Learning Experience (LLE) merupakan dimensi paling popular dalam kalangan pelajar bumiputera, manakala pelajar bukan bumiputera lebih tertumpu kepada dimensi The Ideal L2 Self (ILS). Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat korelasi signifikan rendah antara elemen motivasi (L2MSS) dengan pencapaian bahasa Jepun di MTUN.

**Katakunci:** *motivasi, L2MSS, pencapaian bahasa Jepun, teknikal universiti, pelajar kejuruteraan*

**Abstract.** Motivation is a crucial factor influencing students' academic achievement, particularly in foreign language learning. This study investigates the challenges and performance disparities in Japanese language proficiency among students within the Malaysian Technical University Network (MTUN). Guided by the L2 Motivational Self System (L2MSS) model, a quantitative survey was conducted with 392 Japanese language students from four universities: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), and Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMP). Data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS), with t-tests and Pearson correlations applied at  $p < .01$ . The L2MSS instrument demonstrated reliability ranging from  $\alpha = .752$  to  $\alpha = .924$ . Results indicate that students' motivation is influenced by teachers, peers, lectures, and instructional materials, with strong imagery of native speakers. L2 Learning Experience (LLE) was most prominent among Bumiputera students, while non-Bumiputera students emphasised the Ideal L2 Self (ILS). A weak but significant correlation was observed between motivation and Japanese language achievement, highlighting the need for targeted motivational strategies to enhance student performance.

**Keywords:** *motivation, L2MSS, japanese language achievement, engineering science students*


## **Pengenalan**

Pada masa kini, keperluan menguasai bahasa asing menjadi semakin penting. Ia menjadi satu mata pelajaran popular dan dipelajari oleh ramai pelajar di universiti. Menurut Sakuragi (2006), faedah mempelajari bahasa asing ini dilihat apabila seseorang itu boleh menuturkan bahasa asing tersebut dan dapat mengaplikasikan di dalam kehidupan seharian seperti menjalankan rundingan dan memahami dokumen tertentu tanpa bantuan penterjemah. Berdasarkan laporan, terdapat 184 buah pusat pengajian di Malaysia samada sektor awam atau swasta menawarkan kursus bahasa Jepun. Di Malaysia kursus bahasa Jepun ditawarkan sebagai subjek wajib atau subjek pilihan (elective subject) berdasarkan syarat program bagi setiap universiti (Mohd dan Musaev, 2017). Subjek bahasa Jepun sebagai bahasa asing seawalnya diperkenalkan di Universiti Malaya (UM) pada tahun 1966. Seterusnya permintaan terhadap kursus bahasa Jepun turut berkembang di Malaysian Technical University Network (MTUN) yang terdiri daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Empat buah universiti berfokus ini memberi penekanan kepada bidang sains kejuruteraan dan teknikal dan pada masa yang sama menawarkan subjek bahasa Jepun sebagai bahasa asing seawal tahun 2001 dengan sekurang-kurangnya 2 jam beban kredit (Sumber: UTHM, UMP, UniMAP, UTeM).

Kekaguman masyarakat di Malaysia terhadap negara matahari terbit ini berkait rapat dengan kuasa ekonomi, teknologi moden, produk yang berkualiti serta budaya kerja masyarakat Jepun yang rajin, menepati masa dan berdisiplin (Habibah, 2010). Walaupun begitu, menurut Hieda dan Shabudin (2012) kajian telah menunjukkan bahawa ramai responden menyatakan kesukaran mempelajari bahasa Jepun. Sepertimana laporan oleh AFSA (2019) telah mengklafikasikan bahasa Jepun sebagai bahasa yang paling sukar dipelajari berbanding bahasa lain seperti bahasa Arab, Mandarin, Kantonis dan juga Korea. Justeru itu, Gardner et al. (2005) menyatakan bahawa motivasi di dalam diambil kira sebagai faktor sangat penting dalam proses pembelajaran bahasa asing.

## ***Pernyataan masalah***

Menurut Redzuan Abdullah dan Hussin (2019) bahasa Jepun merupakan antara bahasa asing yang sangat popular dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia. Namun pelajar tidak dapat menguasainya dengan baik dan gagal mencapai objektif kursus (Hasan, 2015). Pencapaian kurang memberansangkan ini turut berlaku dalam kalangan pelajar di Malaysian Technical University Network (MTUN) sepertimana graf di bawah (*Rajah 1*). Jurang pencapaian ini menunjukkan bahawa hanya segelintir pelajar bumiputera yang mampu mencapai skor tahap cemerlang berbanding pelajar bukan bumiputera. Keadaan berterusan ini menyebabkan pelajar ketinggalan menguasai bahasa asing dan sukar untuk mendapatkan peluang-peluang yang disediakan oleh pihak tertentu seperti penawaran biasiswa pengajian bahasa dan kebudayaan Jepun oleh Kementerian Pendidikan Jepun atau [文部科学省] Manbukagakusho.



**Rajah 1.** Purata gred pelajar bahasa Jepun di MTUN.

### **Objektif kajian dan kajian literatur**

Kajian ini dibahagikan kepada tiga objektif, iaitu: (1) Mengenalpasti tahap motivasi (L2MSS) dalam kalangan pelajar MTUN; (2) Mengkaji perbezaan tahap motivasi (L2MSS) berdasarkan jantina dan kaum; dan (3) Mengkaji hubungan di antara motivasi (L2MSS) dengan pencapaian bahasa Jepun. Kajian motivasi pembelajaran bahasa telah banyak dibincangkan bermula dari konsep integratif dan instrumental yang diperkenalkan oleh Gardner dan Lambert (1972). Sejak kebelakangan ini, bidang penyelidikan motivasi bahasa asing telah mula beralih tumpuan kepada pendekatan berkaitan diri dan identiti. Menurut Dörnyei dan Skehan (2003) pembelajaran bahasa adalah “socially and culturally bound” yang melibatkan faktor motivasi untuk menjadikan diri seperti orang lain, jenis orang atau ahli dalam sesuatu kumpulan tertentu. Pendekatan dalam bentuk motivasi dinamik ini telah dikenali sebagai sistem sendiri motivasi L2 atau L2 Motivational Self System (L2MSS) oleh Dörnyei (2014; 2013). Dörnyei (2014) telah mengkaji rangka kerja Ushioda (2001) serta Noels et al. (2000), seterusnya menyusun semula faktor luaran dan elemen integratif berunsurkan possible selves kepada self-system atau sistem sendiri. Akhir sekali, ianya telah membentuk cadangan kepada L2MSS yang terdiri daripada tiga elemen iaitu ideal L2 self, ought-to L2 self, dan L2 learning experience.

Menurut Dörnyei (2013), L2MSS merupakan asas dari dua aspek self-theory bidang psikologi iaitu; possible selves (Markus dan Nurius, 1986) dan self-discrepancy theory (Higgins, 1987). Model ini berjaya dibuktikan sebagai pendekatan yang sesuai dan signifikan dalam banyak kajian motivasi pembelajaran bahasa asing (Boo et al., 2015; Lamb, 2012; Al-Shehri, 2009; Csizér dan Kormos, 2009). Dalam banyak kajian lepas didapati bahawa terdapat komponen L2MSS yang menjadi pilihan dan sangat mempengaruhi motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing (Irgatoğlu, 2021; Subekti, 2018). Selain itu, Leong (2022) telah mengkaji mengenai kestabilan emosi dan motivasi pelajar serta perbezaan teori-teori yang berkaitan dengan pembelajaran.

### **The Ideal L2 Self (ILS)**

Dörnyei (2013) telah menjelaskan bahawa ideal L2 self atau gambaran diri yang ideal terhadap bahasa asing adalah sebagai “L2-specific facet of one's 'idealself’”. Ia adalah komponen bahasa asing dalam diri berkenaan apa yang seseorang itu ingin menjadi (Markus dan Nurius, 1986). Walaupun begitu perlu difahami bahawa komponen tersebut mungkin tidak terdapat dalam diri setiap orang. Ini kerana hakikatnya setiap individu berbeza samada dari sudut apa yang mereka miliki ataupun

apa yang ingin dikekalkan sebagai diri mereka yang ideal. Ia dapat dikaitkan dengan masa depan dan imej yang diharapkan tentang diri seseorang. Sebagai contoh, sekiranya terdapat satu kumpulan dari tiga orang pelajar, seorang pelajar belajar kerana sebahagian besarnya didorong oleh matlamat kerjaya, seorang lagi kebanyakannya disebabkan oleh keinginan untuk menjadi sebahagian daripada budaya bahasa sasaran, dan orang yang ketiga belajar dengan keinginan untuk berasa seperti orang yang berpendidikan.

### ***The Ought-to L2 Self (OLS)***

Komponen Ought-to L2 self oleh Dörnyei (2014; 2013) boleh dianggap sebagai aspek khusus bahasa asing bagi seseorang individu di mana aspirasinya di kawal oleh orang lain. Bagi individu bercirikan Ought-to L2 self ialah mereka yang diberi pandangan sama ada nyata atau tanggapan oleh orang lain yang penting dan berpengaruh dalam kehidupannya. Dalam kebanyakan kes, Ought-to L2 self difahamkan adalah sebahagian besarnya merupakan pandangan oleh ibu bapa pelajar. Sebagai contoh, ibu bapa mungkin membayangkan anak mereka sebagai ahli perniagaan antarabangsa yang menguasai berbilang bahasa, sedangkan kanak-kanak itu mungkin memiliki gambaran diri atau ideal-self yang tidak melibatkan sebarang pengetahuan berkenaan mana-mana bahasa pun.

### ***Learning Experience (LLE)***

Konstruk motivasi terakhir dalam L2MSS adalah satu-satunya komponen yang tidak ada unsur possible selves. Sebaliknya L2 learning experience berkait dengan bagaimana tahap motivasi individu dipengaruhi oleh faktor yang berkait dengan pengalaman semasa mempelajari bahasa tersebut. Faktor tersebut adalah termasuk guru, persekitaran bilik darjah dan rakan sekelas, silabus pengajian, dan tahap pengalaman pelajar terhadap kejayaan mereka mempelajari bahasa asing (Dörnyei, 2013). Dalam erti kata lain, dapat dijangkakan bahawa sekiranya L2 learning experience yang sebahagian besarnya positif atau menyeronokkan akan menyumbang kepada tahap motivasi yang lebih tinggi. Sebaliknya pengalaman yang kurang positif mungkin melibatkan jangkaan tahap motivasi pembelajaran bahasa asing yang lebih rendah.

### ***Pencapaian bahasa Jepun***

Penilaian terhadap pencapaian bahasa Jepun umumnya melihat kepada Japanese Language Proficiency Test (JLPT). JLPT pada dasarnya dibentuk untuk membantu pengembara yang baru ke Jepun atau mereka yang ingin bekerja di Jepun dalam bidang tertentu dengan membuktikan bahawa mereka mahir bahasa Jepun. Selain itu, sijil JLPT turut menawarkan pelbagai kelebihan seperti nilai kredit akademik, peluang pekerjaan di syarikat-syarikat jepun dan pengiktirafan kelayakan dalam masyarakat. Walaubagaimanapun, dalam kajian ini pencapaian bahasa Jepun yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah berdasarkan skema pemarkahan dan penilaian pihak universiti. Ini adalah sepertimana telah dijelaskan bahawa kursus bahasa Jepun tahap satu yang ditawarkan di MTUN adalah di bawah garis panduan universiti berdasarkan ketetapan seperti Rancangan Pengajaran (RPP-04, UTHM). Dengan kata lain, penilaian bahasa Jepun di MTUN masih berada pada tahap A1 dibandingkan dengan konsep CEFR atau masih di bawah aras N5 bagi perbandingan dengan konsep JLPT. Pencapaian akademik pelajar di MTUN adalah merujuk kepada skor yang diperolehi oleh setiap pelajar

berdasarkan sistem gred pemarkahan yang telah ditetapkan. Pendekatan pemarkahan bahasa Jepun telah dibuat berdasarkan kaedah sumatif melibatkan beberapa bentuk penilaian seperti quiz, ujian, tugas dan peperiksaan.

## Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian bukan eksperimental yang menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan sepenuhnya. Kajian dijalankan di Malaysian Technical University Network (MTUN), dimana populasi kajian merupakan pelajar - pelajar bagi program ijazah sarjana muda dari empat buah universiti iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Jumlah populasi kajian seramai 1389 pelajar ini diperolehi daripada data pelajar yang telah menduduki ujian dan peperiksaan akhir bagi semester 1 sesi 2020/2021. Pengkaji menggunakan persampelan jenis rawak mudah di mana sejumlah 392 sampel dipilih dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun tahap satu. Dalam kajian ini konstruk motivasi diukur berdasarkan model L2 Motivation Self-System (L2MSS) yang dibangunkan oleh Dörnyei (2013). Soal selidik menggunakan Skala Likert 5 mata ini diadaptasi daripada kajian berkaitan motivasi (L2MSS) yang dijalankan oleh Islam et al. (2013), Papi (2010) serta Taguchi et al. (2009). Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan dengan nilai Alpha Cronbach berada antara 0.88 dan 0.92. Data mentah yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian komputer Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22.

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

### *Analisis Tahap Motivasi*

*Jadual 1* melaporkan nilai skor min keseluruhan motivasi (L2MSS) adalah berada pada tahap tinggi (min=3.59, SD=0.75). Skor min paling tinggi ialah ialah 4.10 (SD=0.62) iaitu bagi elemen L2 Learning Experience (LLE). Skor min paling rendah ialah 3.00 (SD=0.96) iaitu bagi elemen Ought-to L2 Self (OLS). Berdasarkan analisis ini dapat difahami bahawa 392 responden memberi maklumbalas tahap motivasi tinggi pada dimensi LLE dan ILS kecuali dimensi OLS direkodkan tahap motivasi sederhana.

*Jadual 1. Min Pembolehubah L2MSS (n=392).*

Kategori	Min	Sisihan piawai	Tahap motivasi
Ideal L2 Self	3.68	0.69	Tinggi
Ought-to L2 Self	3.00	0.96	Sederhana
L2 Learning Experience	4.10	0.60	Tinggi
Keseluruhan L2MSS	3.59	0.75	Tinggi

*Nota: 1.0-1.49=sangat rendah; 1.50-2.49=rendah, 2.50-3.49=sederhana, 3.50-4.49=tinggi, 4.50-5.00=sangat tinggi.*

### *Analisis Perbezaan Motivasi Mengikut Jantina*

H01: Tidak Terdapat Perbezaan Tahap Motivasi (L2MSS) Berdasarkan Jantina.

Kajian melibatkan seramai 212 responden lelaki dan 180 responden perempuan yang telah memberi maklumbalas terhadap soal selidik yang disediakan. Berdasarkan *Jadual*

2, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap motivasi (L2MSS) pelajar MTUN ( $t=0.266$ ;  $p>0.05$ ). Tahap motivasi pelajar lelaki ( $\text{min}=3.59$ ) adalah sama dengan tahap motivasi pelajar perempuan ( $\text{min}=3.60$ ).

**Jadual 2.** Analisis perbezaan motivasi mengikut jantina.

Kategori	Lelaki (n=212)		Perempuan (n=180)		t (390)	P
	M	SP	M	SP		
Motivasi (L2MSS)	3.59	.559	3.60	.558	.266	.790
Ideal L2 Self	3.73	.691	3.63	.704	1.32	.929
Ought to L2 Self	2.95	.982	3.06	.936	1.10	.391
L2 Learning Exp.	4.08	.591	4.11	.622	.509	.534

### **Pernyataan masalah**

H02: Tidak Terdapat Perbezaan Tahap Motivasi (L2MSS) Berdasarkan Kaum.

Kajian ini melibatkan seramai 200 responden pelajar bumiputera dan 192 responden pelajar bukan bumiputera. Berdasarkan Jadual 3 didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap keseluruhan motivasi (L2MSS) pelajar MTUN mengikut kaum ( $t=0.235$ ;  $p>0.05$ ). Tahap motivasi pelajar bumiputera ( $\text{min}=3.60$ ) adalah sama dengan tahap motivasi pelajar bukan bumiputera ( $\text{min}=3.59$ ). Namun begitu pengkaji mendapati secara lebih terperinci terdapat perbezaan signifikan bagi elemen LLE dengan kaum ( $t=2.314$ ;  $p>0.05$ ) (*Jadual 3*).

**Jadual 3.** Analisis perbezaan motivasi mengikut kaum.

Kategori	Lelaki (n=212)		Perempuan (n=180)		t (390)	P
	M	SP	M	SP		
Motivasi (L2MSS)	3.60	.545	3.59	.572	.235	.814
Ideal L2 Self	3.68	.709	3.69	.687	-.089	.929
Ought to L2 Self	2.95	.975	3.05	.947	-.974	.331
L2 Learning Exp.	4.16	.618	4.02	.583	2.314	.021

### **Analisis hubungan motivasi dengan pencapaian bahasa Jepun**

H03: Tidak Terdapat Hubungan Signifikan Antara L2MSS Dan Pencapaian Bahasa Jepun.

Berdasarkan *Jadual 4*, hipotesis nul diterima bagi variebal hubungan keseluruhan motivasi dan pencapaian bahasa Jepun. Ujian korelasi ini menunjukkan signifikan pada  $p<.01$ . Walaupun begitu hasil output inter-korelasi didapati nilai  $r=.180$  menunjukkan korelasi positif yang rendah antara konstruk Ideal Self (ILS) dan pencapaian bahasa Jepun. Hasil yang hampir sama juga berlaku kepada konstruk Learning Experience (LLE) yang menunjukkan nilai  $r=.203$ . Manakala konstruk Ought to Self (OLS) menunjukkan tiada hubungan dengan pencapaian bahasa Jepun dengan nilai  $r=-0.082$ . Secara relatifnya kajian menunjukkan terdapat hubungan di antara elemen ILS dan LLE dengan pencapaian bahasa Jepun pelajar MTUN. Ini menunjukkan bahawa elemen L2 Learning Experience (LLE) dan L2 Ideal Self (ILS) berperanan untuk meningkatkan skor pelajar dalam mempelajari bahasa Jepun di MTUN.

**Jadual 4.** Analisis hubungan antara L2MSS dan pencapaian bahasa Jepun.

Variabel	N	M	SP	1	2	3	4
Motivasi L2MSS	392	3.599	0.558				
Ideal Self (ILS)	392	3.690	0.698	.771**			
Ought to Self (OLS)	392	3.006	0.962	.735**	.238**		
Learning Exp. (LLE)	392	4.100	0.605	.708**	.599**	.169**	
Skor bahasa Jepun	392	72.941	10.447	0.099	.180**	-0.087	.203**

Nota: \*\* $p < 0.01$  level (2-tailed).

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

Elemen LLE mempunyai skor tahap tinggi dalam kalangan pelajar MTUN. Merujuk kepada nilai min bagi setiap item yang disenaraikan, didapati proses pembelajaran, suasana bilik kuliah dan silibus bahasa Jepun yang disediakan adalah menarik dan menepati keperluan pelajar-pelajar untuk mempelajari bahasa Jepun. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian lain yang menunjukkan bahawa LLE mempunyai ikatan kuat sebagai faktor motivasi (Irgatoğlu, 2021). Secara keseluruhannya hipotesis nul diterima menunjukkan tiada perbezaan motivasi di antara responden lelaki dan perempuan. Namun, bagi pecahan setiap elemen dalam L2MSS dapat diperhatikan bahawa pelajar lelaki cenderung memilih elemen ILS. Manakala pelajar perempuan pula lebih cenderung kepada elemen OLS berbanding pelajar lelaki yang mempunyai skor pada tahap sederhana. Elemen LLE berada pada tahap sangat tinggi dengan sedikit kelebihan pelajar perempuan mengatasi skor pelajar lelaki. Pelajar perempuan “mahu banyak pilihan aktiviti dalam kelas seperti latihan perbualan dan pembentangan lisan”. Mereka berasa seronok dengan suasana pembelajaran dan topik-topik dalam buku kerja adalah menarik. Bahkan mereka merasakan masa belajar bahasa Jepun dalam kuliah berlalu dengan cepat. Dapatan ini hampir sepadan dengan Irgatoğlu (2021), yang menjelaskan bahawa pelajar perempuan lebih tinggi motivasi bagi semua elemen L2MSS.

Pelajar-pelajar MTUN samada bangsa Melayu, Cina, India atau peribumi Sabah dan Sarawak mempunyai tahap motivasi yang hampir sama. Sepertimana kajian oleh Shabudin (2014), mendapati pelajar Melayu dan Cina bersikap positif terhadap kursus bahasa Jepun di UKM. Pelajar Melayu mempunyai motivasi dengan cenderung untuk menerokai dunia baru serta mempercayai kelebihan menguasai bahasa Jepun. Manakala pelajar Cina lebih selesa dengan ciri bahasa Jepun yang mempunyai banyak ciri persamaan dengan bahasa ibunda mereka. Secara lebih terperinci didapati hipotesis nul berjaya ditolak pada elemen LLE. Ini menunjukkan terdapat perbezaan motivasi elemen LLE berdasarkan kaum. Pelajar bumiputera lebih cenderung kepada elemen LLE kerana mengharapkan lebih banyak waktu diperuntukkan untuk mempelajari bahasa Jepun di universiti. Pelajar bumiputera juga “berpendapat guru dapat memotivasikan diri untuk mempelajari bahasa Jepun”. Kajian lain turut mendedahkan pelajar bumiputera di Malaysia berminat mempelajari bahasa asing disebabkan oleh minat sejak dari kecil (An dan Lai, 2021).

Ujian korelasi pearson membuktikan bahawa terdapat korelasi positif rendah bagi elemen LLE dan elemen ILS. Keputusan ini selari dengan dapatan (Tan et al., 2017) dalam kajiannya terhadap pencapaian bahasa Mandarin di UiTM. Dalam konteks bahasa Jepun di MTUN faktor persekitaran pembelajaran di mana peranan guru bahasa, kelas, aktiviti pembelajaran dan bahan pengajaran yang disediakan menyumbang kepada peningkatan motivasi pelajar berbanding elemen-elemen lain. Berdasarkan tahap korelasi elemen ILS yang rendah pengkaji berpendapat bahawa responden kajian mungkin kurang jelas dengan halatuju pembelajaran bahasa Jepun. Responden juga

terlalu idealistik terhadap imej diri masa hadapan mereka. Ini bermaksud responden kurang pasti samada mempelajari bahasa Jepun adalah sesuatu yang relevan dengan bidang sains kejuruteraan di MTUN. Sementara itu elemen OLS menunjukkan tiada hubungan dengan pembolehubah pencapaian. Dapatan ini kelihatan selari dengan hasil kajian lain yang mendapati OLS adalah tidak signifikan dengan pencapaian pelajar (Martinović, 2018; Tort Calvo, 2015). Elemen OLS yang menunjukkan tiada hubungan dengan pencapaian bahasa Jepun, malah berkorelasi lemah arah negatif. Ini menunjukkan bahawa berlaku kecenderungan semakin tinggi tahap OLS, semakin rendah skor pencapaian bahasa Jepun pelajar. Dalam konteks bahasa Jepun di MTUN, pelajar melihat bahawa kursus ini adalah kurang penting kerana ia merupakan matapelajaran elektif universiti. Dari sudut budaya dan konteks pendidikan pula bahasa Jepun merupakan bahasa asing yang tidak digunakan dalam perbualan harian malah hanya terhad di dalam kuliah sahaja.

### ***Implikasi***

Hasil kajian ini membuktikan terdapat beberapa implikasi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun di MTUN. Penekanan dan tumpuan terhadap silibus, bahan pengajaran, bilik kuliah dan aktiviti semasa pengajaran bahasa Jepun menjadi keutamaan. Dari sudut implikasi terhadap teori dan model pula, sepertimana dijelaskan bahawa model L2MSS (Dörnyei, 2014; 2013) masih belum diteroka dengan meluas khususnya terhadap bahasa asing (Osumi, 2019). Maka hasil kajian ini adalah signifikan dengan membuktikan model L2MSS mempunyai hubungan positif rendah terhadap pencapaian bahasa Jepun di MTUN.

### ***Cadangan***

Hasil daripada dapatan kajian di atas, pengkaji mengesyorkan supaya pelajar mengenalpasti tujuan mempelajari bahasa Jepun sebelum memilih atau mengikuti kursus bahasa Jepun yang ditawarkan. Pelajar perlu berusaha meneroka minat dan ciri-ciri motivasi yang ada dalam diri yang boleh dijadikan sumber kekuatan untuk meningkatkan pencapaian bahasa Jepun. Manakala guru bahasa harus mencipta aktiviti pembelajaran yang menggalakkan interaksi dengan penutur asli bahasa Jepun mengikut kesesuaian program, masa atau platform seperti mobiliti pelajar dan lawatan. Di samping itu, guru bahasa harus mencipta dan mengekalkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan di samping berusaha mewujudkan suasana perkuliahan yang saling menerima dan menyokong keterlibatan setiap pelajar. Seterusnya jabatan bahasa di setiap universiti perlu menyemak dan menambahbaik silibus bahasa Jepun dengan menawarkan kursus elektif bahasa Jepun kepada pelajar yang berminat pada tahap yang lebih tinggi.

### ***Kesimpulan***

Semua cadangan di atas adalah penting bagi memastikan pelajar dapat mengekalkan prestasi dan terus menguasai bahasa Jepun dengan baik. Kajian lanjutan adalah diperlukan dengan rekabentuk kajian experimental di antara kumpulan pelajar sains kejuruteraan dan kumpulan pelajar aliran sastera di universiti awam Malaysia. Pendekatan ini lebih mensasarkan kepada persampelan bertujuan bagi mengenalpasti faktor motivasi dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang pengajian

berbeza. Selain itu pendekatan mix method dalam kajian seterusnya perlu dilaksanakan kerana kemungkinan besar terdapat hujah atau maklumat yang lebih tepat daripada responden kajian. Akhir sekali pengkaji mengharap kajian ini akan memacu perkembangan bahasa Jepun dengan lebih efektif dan dapat mengembangkan potensinya sebagai salah satu bahasa penting khususnya di MTUN.

### **Penghargaan**

Penerbitan artikel ini dibiayai oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia melalui Tier 1 (Vot Q098).

### **Konflik Kepentingan**

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

### **RUJUKAN**

- [1] Al-Shehri, A.S. (2009): Motivation and vision: The relation between the ideal L2 self, imagination and visual style. – *Motivation, Language Identity and The L2 Self* 8p.
- [2] American Foreign Service Association (AFSA) (2019): "Foreign Service Institute". – AFSA 112p.
- [3] An, T.H., Lai, T.T. (2021): Sikap dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Mandarin sebagai bahasa asing di Universiti Teknikal. – *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(3): 450-460.
- [4] Boo, Z., Dörnyei, Z., Ryan, S. (2015): L2 motivation research 2005–2014: Understanding a publication surge and a changing landscape. – *System* 55: 145-157.
- [5] Csizér, K., Kormos, J. (2009): Learning experiences, selves and motivated learning behaviour: A comparative analysis of structural models for Hungarian secondary and university learners of English. – *Motivation, Language Identity and The L2 self* 36: 98-119.
- [6] Dörnyei, Z. (2014): *The psychology of the language learner: Individual differences in second language acquisition*. – Routledge 282p.
- [7] Dörnyei, Z. (2013): *The psychology of second language acquisition*. – Oxford University Press 356p.
- [8] Dörnyei, Z., Skehan, P. (2003): Individual differences in second language learning. – *The Handbook of Second Language Acquisition* 42p.
- [9] Gardner, R.C., Lambert, W.E. (1972): *Attitudes and motivation in second-language learning*. – Newbury House Publishers 313p.
- [10] Gardner, W.L., Avolio, B.J., Luthans, F., May, D.R., Walumbwa, F. (2005): "Can you see the real me?" A self-based model of authentic leader and follower development. – *The Leadership Quarterly* 16(3): 343-372.
- [11] Hasan, N. (2015): Strategi pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar UiTM. – *Universiti Malaya* 242p.
- [12] Hieda, N., Shabudin, M. (2012): Sikap dan persepsi terhadap pembelajaran bahasa Jepun di kalangan mahasiswa UKM. – *Jurnal Linguistik* 16(1): 88-103.
- [13] Higgins, E.T. (1987): Self-discrepancy: a theory relating self and affect. – *Psychological Review* 94(3): 319-340.

- [14] Irgatoğlu, A. (2021): L2 motivational self system and learning approaches of high school students. – *Education Quarterly Reviews* 4(2): 240-252.
- [15] Islam, M., Lamb, M., Chambers, G. (2013): The L2 motivational self system and national interest: A Pakistani perspective. – *System* 41(2): 231-244.
- [16] Lamb, M. (2012): A self system perspective on young adolescents' motivation to learn English in urban and rural settings. – *Language Learning* 62(4): 997-1023.
- [17] Leong, D. (2022): Emotional stability and motivation of 21st century learners: A comparative review of learning theories. – *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 3(6): 68-80.
- [18] Markus, H., Nurius, P. (1986): Possible selves. – *American Psychologist* 41(9): 954-969.
- [19] Martinović, A. (2018): The L2 motivational self system. – *Jezikoslovlje* 19(1): 133-157.
- [20] Mohd, J., Musae, T. (2017): Faktor Motivasi Pelajar Universiti dalam Pembelajaran Bahasa Jepun. – *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun* 7: 81-90.
- [21] Noels, K.A., Pelletier, L.G., Clément, R., Vallerand, R.J. (2000): Why are you learning a second language? Motivational orientations and self-determination theory. – *Language Learning* 50(1): 57-85.
- [22] Osumi, A. (2019): Exploring motivation for learning Japanese as a foreign language. – *Purdue University* 91p.
- [23] Papi, M. (2010): The L2 motivational self system, L2 anxiety, and motivated behavior: A structural equation modeling approach. – *System* 38(3): 467-479.
- [24] Redzuan Abdullah, M.A., Hussin, S. (2019): The use of interactive multimedia website in learning basic Japanese. – In *International Innovation in Teaching and Learning & Language Education Conference* 12p.
- [25] Sakuragi, T. (2006): The relationship between attitudes toward language study and cross-cultural attitudes. – *International Journal of Intercultural Relations* 30(1): 19-31.
- [26] Subekti, A.S. (2018): L2 Motivational Self System and L2 achievement: A study of Indonesian EAP learners. – *Indonesian Journal of Applied Linguistics* 8(1): 57-67.
- [27] Taguchi, T., Magid, M., Papi, M. (2009): Iranian Learners of English: A Comparative Study. – *Motivation, Language Identity and the L2 Self* 31p.
- [28] Tan, T.G., Lim, T.H., Hoe, F.T. (2017): Analysing the relationship between L2 motivational self system and achievement in Mandarin. – *International Academic Research Journal of Social Science* 3(1): 104-108.
- [29] Tort Calvo, E. (2015): Language learning motivation: the L2 motivational self system and its relationship with learning achievement. – *Universitat Autònoma de Barcelona* 34p.
- [30] Ushioda, E. (2001): Motivational Thinking. – In *Motivation and Second Language Acquisition* 32p.